



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PROJEK PEMBINAAN
STRUKTUR BERBUMBUNG GELANGGANG
BOLA KERANJANG DAN KERJA BERKAITAN DI
TAMAN GAMELAN INDAH, SEBERANG PERAI
SELATAN

TARIKH / MASA / TEMPAT

03 MEI 2024 (JUMAAT)
8.30 PAGI

**GELANGGANG BOLA KERANJANG
TAMAN GAMELAN INDAH
SEBERANG PERAI SELATAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, saya panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua kita diberi kesempatan untuk menghadiri **Majlis Perasmian Projek Pembinaan Struktur Berbumbung Gelanggang Bola Keranjang dan Kerja Berkaitan di Taman Gamelan Indah, Seberang Perai Selatan** pada pagi yang mulia dan barakah ini.
2. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang kerana sudi melapangkan masa beliau untuk hadir merasmikan **Projek Pembinaan Struktur Berbumbung Gelanggang Bola Keranjang** ini.
3. Ucapan terima kasih juga kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis: Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; para penduduk Taman Gamelan Indah dan para hadirin sekalian yang hadir untuk menjayakan program yang diadakan pada pagi ini.

4. Sepertimana Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ahli-AHli Majlis, dan hadirin sekalian sedia maklum, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menggariskan 10 Keutamaan Strategik dalam merealisasikan Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan. Manakala, Visi *Penang2030* dan *Sustainable Development Goals* (SDGs) telah dijadikan instrumen penting untuk menyusun program-program serta aktiviti-aktiviti yang bersesuaian untuk memenuhi kehendak pihak berkepentingan.
5. Sepuluh Keutamaan Strategik ini dijadikan teras utama ke arah menjadikan Seberang Perai ‘*City For All*’ dan komited untuk menjadikan MBSP sebuah organisasi yang berpaksikan rakyat.
6. Di samping mentransformasikan Seberang Perai ke arah bandar raya pintar dan mampan, Seberang Perai juga mengorak langkah lebih jauh untuk mengembangkan usaha menjadikan Seberang Perai sebuah bandar raya sukan dan pelancongan.
7. Antara 10 Keutamaan Strategik adalah persekitaran yang selamat; kemudahan dan infrastruktur yang berkualiti; gaya hidup sihat; pembangunan hijau dan persekitaran bersih; serta penerapan teknologi baru. Lima lagi inisiatif lain termasuklah ekonomi bandar yang berdaya saing; memperkuatkan budaya dan warisan; bandar

yang berdaya tahan dan berdaya huni; keterlibatan komuniti; dan pembangunan yang inklusif dan saksama. Salah satu daripada Keutamaan Strategik MBSP adalah penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang berkualiti.

8. Gelanggang bola keranjang di Taman Gamelan Indah ini telah dibina oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan. Walau bagaimanapun, kemudahan sukan ini berkonsepkan terbuka dan tidak mempunyai bumbung.
9. Semasa sesi jelajah '*Love Penang*' oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ke Kawasan Dewan Undangan Negeri Bukit Tambun, komuniti setempat telah memberi cadangan agar dilaksanakan pembinaan struktur berbumbung di gelanggang bola keranjang ini untuk memberi lebih manfaat kepada komuniti setempat, terutamanya golongan belia atau muda-mudi.
10. Susulan daripada beberapa siri lawatan dan perbincangan, MBSP telah mengemukakan permohonan peruntukan kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Pulau Pinang bagi menaiktaraf gelanggang tersebut.

11. Sebaik menerima kelulusan peruntukan bagi projek ini pada Mac 2023, MBSP telah memulakan proses penyediaan rekabentuk terperinci dan dokumen sebutharga bagi pelaksanaan projek tersebut.

12. MBSP telah menerima peruntukan sebanyak RM528,957.00 daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan telah melantik Kontraktor MFI Dinamik Enterprise untuk melaksanakan projek ini. Kerja-kerja pembinaan dimulakan pada 09 November 2023.

13. Sehingga kini peratusan kemajuan projek adalah 90% di mana skop kerja yang telah disiapkan adalah kerja-kerja penyediaan tapak, kerja-kerja cerucuk, kerja-kerja struktur berbumbung, dan kerja-kerja elektrikal. Manakala, skop kerja yang masih dalam pelaksanaan adalah pemasangan pagar perimeter dan kemasan lantai epoxy. Tarikh jangkaan siap projek adalah pada 26 Mei 2024.

14. MBSP juga telah dan sedang melaksanakan projek setara di dua lokasi iaitu:-
 - i. Kerja-Kerja Pembinaan Struktur Berbumbung Gelanggang Futsal Dan Kerja Berkaitan di Taman Sejahtera, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dengan kos sebanyak RM500,000.00 yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Projek di telah siap dibina pada 12 April 2024, dan

- ii. Kerja-Kerja Pembinaan Struktur Berbumbung Gelanggang Bola Keranjang dan Kerja Berkaitan di Sungai Udang, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang dengan kos sebanyak RM459,880.00 yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan. Projek ini dijangka siap pada 30 Mei 2024.
15. MPSP juga mengalu-alukan sumbangan / penyertaan dari pihak swasta secara CSR (*Corporate Social Responsibility*) untuk menaiktaraf fasiliti dan infrastruktur awam di Seberang Perai. Dengan adanya penyertaan dari pihak swasta, saya percaya lebih banyak fasiliti dan infrastruktur awam dapat didirikan atau dinaiktaraf untuk kemudahan orang awam. Adalah diharapkan dengan terlaksananya projek ini dan juga projek-projek yang setaranya di Seberang Perai, iaanya dapat memberikan manfaat sepenuhnya, supaya kebajikan rakyat sentiasa terpelihara.
16. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru penduduk-penduduk di sini untuk menjaga kemudahan-kemudahan yang disediakan dengan baik dan membantu MPSP mengurangkan perbelanjaan untuk penyelenggaraan dan menggunakan peruntukan yang dijimatkan tersebut untuk tujuan menyediakan kemudahan yang lain kepada masyarakat Seberang Perai.

17. Saya merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Majlis, Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, pihak urusetia program, serta para hadirin sekalian yang sudi hadir ke **Majlis Perasmian Projek Pembinaan Struktur Berbumbung Gelanggang Bola Keranjang dan Kerja Berkaitan di Taman Gamelan Indah, Seberang Perai Selatan** ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.